

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1411-MQT0004

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik bilangan pemegang-pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR/IC Merah), Kad Pengenalan Pemastautin Sementara (MyKAS/IC Hijau) dan orang tanpa warganegara (stateless) mengikut negeri. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan sama ada golongan-golongan tersebut yang berumur 60 tahun ke atas boleh diberikan kewarganegaraan.

2. PR-1411-MQT0001

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perihal pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang akan diperkenalkan pada 1 September 2018. Adakah pada jangkaan Kerajaan harga barang akan naik dan apakah pula langkah-langkah berkesan untuk memastikan SST tidak menyebabkan harga barang naik dan membebankan rakyat.

3. PR-1411-MQT0005

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan untuk menurunkan peruntukan pengurusan bagi lebih kurang 200 buah prasekolah yang melibatkan 500 orang guru dan 7000 orang kanak-kanak seluruh negara yang pernah dibantu oleh SEDIC sejak tahun 2016.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 19 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1411-L00195
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah janji-janji Kerajaan Pakatan Harapan 100 hari setelah menang PRU14 dan berjaya menjadi Kerajaan, apakah janji-janji yang telah, sedang dan belum ditunaikan lagi serta sebab-sebabnya lewat ditunaikan.

2. PR-1411-L00427
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dan berhubung tuntutan pembubaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta turut mempertikaikan pemberian dana awam dalam pembangunan Islam di negara ini dan apakah tindakan agar isu melibatkan sensitiviti agama Islam terus dibendung.

3. PR-1411-L00485
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cara untuk memperbaiki keadaan di mana ramai graduan doktor terpaksa menunggu tempoh yang lama untuk diserap ke dalam perkhidmatan (*housemanship*).

4. PR-1411-L00679

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan bilakah kadar gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,500 sebulan di seluruh negara.

5. PR-1411-L00620

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) langkah terkini Kerajaan dalam menangani kebanjiran warga asing berdaftar dan tidak berdaftar; dan

(b) sama ada Kerajaan sedang mempertimbangkan pelaksanaan sistem kuota, loteri atau kebenaran tempoh keberadaan yang ketat seperti yang dilaksanakan di negara-negara Eropah dan Amerika Utara.

6. PR-1411-L01135

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menukuhkan balik Lembaga Padi Negara (LPN) bagi menggantikan BERNAS yang didapati tidak menguntungkan petani.

7. PR-1411-L01021

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan. Apakah dasar penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains akan diperkenalkan semula.

8. PR-1411-L00644

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian dalam meningkatkan harga komoditi sawit dan getah yang melalui fasa ketidaktentuan harga pasaran.

9. PR-1411-L01075

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan dan perancangan Kementerian bagaimana Kerajaan akan membantu negeri Sabah meningkatkan bilangan doktor dan pakar doktor.

10. PR-1411-L00233

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rasional dan relevan keputusan Kerajaan untuk memansuhkan bantuan bulanan sara hidup kepada golongan nelayan.

11. PR-1411-L00900

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan dan garis masa (atau *roadmap*) Kerajaan untuk melaksanakan reformasi pilihan raya yang dinyatakan dalam Janji 17 (menjamin ketelusan dan kemodenan sistem pilihan raya) Buku Harapan.

12. PR-1411-L00598

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha serta mekanisme yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menentukan kadar harga minyak semasa mengikut penentuan kadar harga minyak dunia.

13. PR-1411-L00549

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah polisi dan mekanisme yang diguna pakai oleh Kerajaan Pakatan Harapan terhadap pelajar-pelajar yang cemerlang dan dalam memperuntukkan tempat-tempat di matrikulasi, IPTA dan IPTS, serta apakah kriteria yang diguna pakai dalam pemilihan penempatan pelajar-pelajar ini di institusi pengajian tinggi.

14. PR-1411-L01094

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk jaminan Kementerian agar GST yang berada pada kadar sifar tidak akan dinaikkan serta komitmen Kementerian hari ini dalam menghapuskan GST secara total di samping menurunkan kos sara hidup rakyat.

15. PR-1411-L00384

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan peruntukan MyBrain seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2018 yang lalu.

16. PR-1411-L01123

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah Kerajaan akan menangguhkan bayaran balik pinjaman PTPTN bagi peminjam yang mendapat gaji kurang RM4,000 ; dan

- (b) apakah langkah Kementerian dalam menggalakkan pembayaran semula pinjaman PTPTN dalam kalangan peminjam.
17. PR-1411-L00799
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan terhadap dakwaan pemberi maklumat bahawa kontrak perubatan Kementerian Kesihatan 2013-2016 sebanyak RM3.7 bilion dimonopoli oleh tiga ejen tender utama. Adakah syarikat farmaseutikal antarabangsa dan bekas pemimpin politik terlibat dalam dakwaan rasuah tersebut.
18. PR-1411-L00057
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada selaras dengan polisi Kerajaan Pakatan Harapan untuk memartabatkan bahasa ibunda rakyat berbilang kaum di Malaysia adakah Kementerian bercadang untuk membina lebih banyak Sekolah Tamil termasuk Sekolah Menengah Kebangsaan Jenis Tamil di seluruh Malaysia.
19. PR-1411-L00759
Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai kesan pembatalan projek HSR, MRT3 dan ECRL terhadap sektor pekerjaan dan kadar pertumbuhan ekonomi negara.
20. PR-1411-L00075
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan susulan daripada manifesto Pakatan Harapan yang ingin mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, jelaskan bagaimana janji tersebut mampu dicapai sedangkan Kerajaan telah menambahkan jumlah pengangguran sedia ada ekoran daripada tindakan memberhentikan ribuan pegawai dan staf Kerajaan.
21. PR-1411-L00185
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan kes penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk menangkap Jho Low yang dikatakan bersembunyi di negara yang tidak ada perjanjian ekstradisi dengan Malaysia.

22. PR-1411-L00670
Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil dalam menghapuskan kegunaan kolumn untuk mengenalpasti bangsa (*race*) di dalam semua borang-borang dan dokumentasi Kerajaan dalam usaha Kerajaan membentuk suatu Bangsa Malaysia di Malaysia Baharu ini.
23. PR-1411-L01274
Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan bagi memupuk semangat Rukun Negara yang kelihatan semakin pudar terutamanya di kalangan generasi muda.
24. PR-1411-L00510
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bersedia menambahkan peruntukan untuk membina kesemua 3 bangunan dan kemudahan-kemudahan yang dirancang untuk Hospital Daerah Manjung dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015) kerana dengan harga kos masa kini kelulusan asal sebanyak RM60 juta adalah tidak mencukupi.
25. PR-1411-L00692
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci bilangan orang yang dilahirkan di Malaysia yang masih tiada kewarganegaraan mengikut pecahan umur, jantina, kaum dan negeri serta berapakah jumlah permohonan kewarganegaraan dari Sarawak yang telah diluluskan, gagal dan dalam proses.
26. PR-1411-L00380
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada pihak Kementerian akan meneliti semula pelantikan pegawai dan pengurusan tertinggi yang merupakan lantikan politik di agensi dan jabatan di bawah Kementerian ini dan memastikan pelantikan pegawai dan pengurusan seterusnya bukan ahli politik ini terutamanya pegawai-pegawai di Jabatan KEMAS.
27. PR-1411-L00995
Tuan Ahmad Fadhl bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengkaji kadar pencen bekas anggota tentera sesuai dengan kos sara hidup semasa.

28. PR-1411-L00328

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membolehkan persempadan bahagian-bahagian pilihan raya dijalankan semula sebelum pilihan raya umum yang akan datang.

29. PR-1411-L01140

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah usaha yang dirangka oleh Kementerian untuk memperbaiki kedudukan negara dalam Environmental Performance Index (EPI) di mana Malaysia hanya menduduki kedudukan nombor 75 daripada negara-negara lain khususnya dari aspek pengurusan hutan yang mencatatkan kedudukan yang tercorot di tangga 136 manakala pelepasan CO₂ di kedudukan 102.

30. PR-1411-L01250

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk meningkatkan status ekonomi kaum India dalam sektor pertanian terutamanya pemberian pinjaman bantuan kewangan bagi kaum India.

31. PR-1411-L00763

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan langkah-langkah Kementerian untuk mempromosikan kawasan Kampar sebagai sebuah destinasi pelancongan dan juga destinasi “ecotourism” yang unggul di Malaysia, terutamanya kawasan Gua Tempurung dan Gunung Jahang, Kampar.

32. PR-1411-L00211

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) apakah sasaran baharu *ranking* universiti-universiti awam (UA) untuk mencontohi Universiti Malaya (UM) selepas berjaya berada di kedudukan ke-87 universiti terbaik dunia di dalam QS World Universiti Ranking 2018 ; dan

(b) nyatakan langkah-langkah baru yang dirancang bagi memastikan kedudukan *ranking* sedia ada tidak merosot dan bertambah baik pada masa akan datang.

33. PR-1411-L00347

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan Kementerian dalam usaha mengatasi monopoli oleh Astro yang membebankan rakyat.

34. PR-1411-L00227

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap cadangan penambahbaikan Pasukan Polis seperti mana yang disyorkan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak ia ditubuhkan pada tahun 2004.

35. PR-1411-L00126

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina menara komunikasi di Long Busang, Belaga, Rumah Melintang, Sg. Gaat, Kapit, Punan Sama, Belaga, Nanga Merirai, Batang Baleh, Kapit, Rumah Derick, Ulu Jelalong, Tubau dan SK Lubok Mawang, Majau, Kapit.

36. PR-1411-L00572

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai projek pelaburan berimpak tinggi dalam *pipeline* dari sekarang sehingga ke pertengahan tahun 2019. Apakah langkah yang sedang diambil untuk terus menarik pelaburan berkualiti tinggi.

37. PR-1411-L01375

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) apakah rasional Kerajaan menghapuskan GST dan menggantikan SST memandangkan terdapat 160 buah negara di seluruh dunia yang melaksanakan GST ; dan

(b) bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan harga barang dikawal baik agar tidak meningkat apabila SST sebanyak 10 peratus dilaksanakan kelak.

38. PR-1411-L01324

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dasar, usaha dan insentif pihak Kementerian untuk meningkatkan produktiviti, pendapatan dan ekonomi masyarakat tani dan nelayan agar menjadi golongan yang terbela selain menjamin bekalan makanan yang mencukupi.

39. PR-1411-L00352

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pelaksanaan semua janji di bawah manifesto Pakatan Harapan:-

- (a) kenapa janji seperti hapuskan kutipan tol lebuh raya, turunkan harga minyak, hutang PTPTN ditangguhkan dan RM50 caruman KWSP untuk suri rumah tidak dapat dikotakan; dan
- (b) nyatakan jadual terbaru pelaksanaan janji.

40. PR-1411-L00945

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes rogol, sumbang mahram, pencabulan (*molest*), liwat, gangguan seksual dan keganasan rumah tangga daripada tahun 2013 sehingga kini mengikut pecahan jantina dan etnik dan umur serta pecahan jantina, etnik dan umur bagi pelaku jenayah tersebut.

41. PR-1411-L00726

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai penjawat awam pengurusan tertinggi, Lembaga Pengarah Syarikat GLC dan Pengarah Agensi Kerajaan yang telah diberhentikan kerja atau ditamatkan kontrak mereka.

42. PR-1411-L00884

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penangguhan projek-projek pembinaan Terminal Bas Selatan Kapayan. Naik taraf Terminal Bas Utara Inanam, Terminal Bas Timur Penampang yang telah lama menunggu peruntukan dari Kerajaan Persekutuan. Adakah Kementerian akan menyalurkan peruntukan secepat mungkin.

43. PR-1411-L00196

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar hutang negara dan negeri-negeri masa kini baik hutang dalam negara, luar negara, secara terus dan jaminan Kerajaan, apakah kemajuan pembayaran balik hutang tersebut.

44. PR-1411-L00524

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang memberi hak untuk memperoleh lesen penyiaran tv dan radio kepada semua parti politik di Malaysia.

45. PR-1411-L00278

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian membenarkan syarikat penerbangan lain (selain daripada MASwings) untuk menyediakan perkhidmatan udara (domestik dalam Sarawak) seperti Sibu ke Kota Kinabalu, Sibu ke Miri, Sibu ke Bintulu dan sebagainya ; dan
- (b) bilakah AirAsia dapat menyediakan perkhidmatan udara untuk laluan Sibu ke Kota Kinabalu memandangkan AirAsia telah bersetuju dan berminat untuk menyediakan perkhidmatan tersebut.

46. PR-1411-L00596

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapa banyakkah kehilangan hasil negara yang telah dicatatkan semenjak pemansuhan GST pada 1 Jun 2018 sehingga kini dan berapa banyakkah perbelanjaan Kerajaan yang telah dicatat sepanjang tempoh tersebut ; dan
- (b) berapakah amaun rizab negara yang telah digunakan pihak Kerajaan bagi menampung perbelanjaan negara dalam tempoh tersebut.

47. PR-1411-L00841

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik pekerja asing mengikut pecahan bidang, negeri bekerja, negara asal dan gender. Nyatakan juga rancangan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

48. PR-1411-L00142

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah institut latihan memandu di seluruh negara yang dikesan mengenakan bayaran melebihi kadar yang ditetapkan pihak Kementerian dan apakah tindakan yang dilakukan terhadap institut latihan memandu yang terlibat.

49. PR-1411-L00658

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran kronologi pemilikan status tanah 1MDB di Air Itam, Pulau Pinang dan apakah status terkini dan perancangan masa depan untuk tanah tersebut.

50. PR-1411-L01127

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tujuan, fungsi dan bidang tugas Jawatankuasa Reformasi Institusi, khususnya dalam kajian polisi negara.

51. PR-1411-L01201

Dr. Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan bagi menjaga kebijakan kanak-kanak yang mana ibu bapa mereka terdiri dari golongan peniaga pasar malam dan *uptown* yang biasanya terbiasa semasa mereka berniaga.

52. PR-1411-L00353

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rasional cadangan pemansuhan pasukan khas Pasukan Tindakan Khas Antimaksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG), Pasukan Khas Taktikal Narkotik (STING) dan Pasukan Petugas Khas Jenayah Terancang (STAFOC) yang telah diumumkan baru-baru ini dan sejauh mana Kementerian mengkaji prestasi pasukan terbabit sebelum membuat keputusan.

53. PR-1411-L00488

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Suruhanjaya Pencegah Rasuah (MACC) di bawah Jabatan Perdana Menteri sama ada akan memberi keutamaan untuk memulakan siasatan terhadap Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, atas tuduhan-tuduhan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa yang telah dilaporkan melalui media luar negara sejak bertahun-tahun lalu.

54. PR-1411-L00064

Tuan Wong Chen [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) sama ada Kerajaan akan meratifikasi kesemua perjanjian-perjanjian hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu termasuk tetapi tidak terhad kepada *1951 Refugee Convention, International Covenant on Civil and Political Rights, International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights, Convention Against Torture; and*

(b) jika ya, bila.

55. PR-1411-L00194

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar Kementerian kini mengenai bahasa Melayu kekal sebagai Bahasa Kebangsaan yang tunggal, memandangkan kebelakangan ini telah wujud penggunaan Bahasa ibunda masing-masing termasuk ketika pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas, yang turut menekankan penguasaan selain daripada Bahasa Kebangsaan di kalangan murid sekolah.

56. PR-1411-L00999

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan dan projek pembangunan dan projek masyarakat untuk daerah Sik bermula tahun 2010 sehingga 2018.

57. PR-1411-L00854

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk merealisasi pembangunan sebuah pelabuhan di Tumpat sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan UMNO BN terdahulu semenjak 1969.

58. PR-1411-L00415

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam projek Lebuh Raya Pan Borneo, mengikut negeri asal, serta peranan masing-masing dalam projek ini.

59. PR-1411-L00810

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini untuk memastikan jawatan tertentu seperti pelantikan ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Malaysia disahkan oleh Parlimen.

60. PR-1411-L00040

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah semua agensi-agensi Kerajaan atau syarikat-syarikat yang mempunyai kaitan dengan Kerajaan seperti Petronas, Tabung Haji, RISDA, FELCRA dan lain-lain agensi serta syarikat-syarikat persendirian yang berpengkalan di Semenanjung tetapi memperoleh keuntungan dari operasi mereka di Sabah membayar cukai mereka di LHDN Sabah atau LHDN Semenanjung di atas keuntungan yang mereka peroleh daripada operasi dan perniagaan mereka di Sabah.

61. PR-1411-L00722

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam menamatkan konflik dan perperangan yang tidak berkesudahan seperti Yemen, Syria, Palestin dan Myanmar.

62. PR-1411-L00087

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat melaksanakan pendaftaran automatik sebagai pengundi bagi rakyat yang telah cukup umur kelayakan mengundi.

63. PR-1411-L00440

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan kempen *No Gadget Hour* atau masa tanpa gajet bagi memastikan peruntukan masa berkualiti bersama keluarga dipertingkatkan.

64. PR-1411-L01054

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengembalikan kepercayaan pelabur asing untuk terus melabur di negara ini setelah berlakunya peralihan Kerajaan baru.

65. PR-1411-L00163

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa permohonan warganegara bagi Perkara 15(A), 16 dan 19 dari setiap negeri yang masih dalam proses dan apa mekanisme baru untuk menyelesaikan kes-kes lama.

66. PR-1411-L00860

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan kesediaan Kementerian meningkatkan Pendapatan Garis Kemiskinan bandar dari nilai sekarang ke nilai yang lebih munasabah berdasarkan realiti ekonomi serta konsep "upah cukup hidup" (*living wage*) berdasarkan demografi dan geografi.

67. PR-1411-L00206

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan dasar Kerajaan Pusat PH terhadap pembangunan keseluruhannya di negeri Sarawak dan Sabah yang telah lama tertinggal. Adakah Kerajaan Pusat akan mempertimbangkan pemintaan Sarawak dalam isu PDA74 (minyak dan gas) dan Kerajaan autonomi bagi wilayah Sarawak.

68. PR-1411-L00294

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ada pelan tindakan mengkaji semula senarai Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) yang terdiri dari lantikan politik supaya dilantik dari kalangan korporat atau sebaliknya.

69. PR-1411-L01099

Tuan Steven Choong Shiao Yoon [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan beberapa kes permohonan, kelulusan dan kegagalan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan setiap tahun sejak 2011.

70. PR-1411-L00151

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan siasatan terhadap FELDA dan Felda Global Ventures Holdings Bhd. kini ; dan
- (b) berapa jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh dua entiti ini dan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan kepentingan pemegang-pemegang saham awam tidak terjejas akibat kemelut ini.

71. PR-1411-L00452

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status pembinaan Jalan Meritam - Telahak - Buangabai - Pengkalan Rejab - Sungai Poyan Fasa 2 yang masih terbengkalai.

72. PR-1411-L00685

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan inisiatif pembangunan kemiskinan luar bandar melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin, Program Peningkatan Pendapatan dan sebagainya. Adakah Kementerian mempunyai mekanisme lain untuk membantu golongan miskin di kawasan luar bandar.

73. PR-1411-L01264

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru-guru yang mengajar Bahasa Tamil di peringkat Tingkatan 6 (STPM). Apakah langkah-langkah Kementerian untuk menambahkan guru Bahasa Tamil di peringkat STPM supaya memberi peluang kepada ramai pelajar mengambil mata pelajaran tersebut.

74. PR-1411-L00509

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Institut Memandu (IM) boleh mengenakan bayaran ujian memandu yang lebih tinggi sekiranya IM diarahkan memasang kamera di papan pemuka; dan
- (b) sama ada setiap pelajar yang mengambil ujian memandu masih wajib membeli buku teks Kurikulum Pendidikan Pemandu selepas Kerajaan menamatkan kontrak dengan MyEG pada bulan Jun 2018.

75. PR-1411-L00375

Tuan Ali bin Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada akan meneruskan pembinaan bangunan sekolah-sekolah di negeri Sarawak yang melibatkan penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS).

76. PR-1411-L01392

Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tanpa pembiayaan dana RM50 juta bagi Projek Kinta Gas Asli ("Natural Gas Kinta Project") oleh Kerajaan Persekutuan, liputan talian gas asli dari Chemor ke Bercham akan tersekat dan mengakibatkan kehilangan pelaburan swasta berjumlah RM500 juta. Adakah Kerajaan Persekutuan komited untuk menyediakan dana tersebut.

77. PR-1411-L01401

Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah penyelarasan yang dilakukan oleh Kementerian Tenaga Manusia dengan menteri-menteri lain berkaitan pembangunan modal insan; dan
- (b) sekiranya terdapat penyelarasan atau projek bersama, nyatakan tindakan yang diambil untuk memastikan rakyat Malaysia bergerak ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi dalam industri perkilangan dan perkhidmatan.

78. PR-1411-L01403

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dengan terperinci perancangan beliau untuk mewujudkan projek kereta nasional yang baharu sepetimana yang dilaporkan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (18 Julai,2018)

2. PR-1411-U(27)003

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

[Menteri Pendidikan]

3. PR-1411-U(27)004

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

[Menteri Pendidikan]

4. PR-1411-U(27)005

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

[Menteri Dalam Negeri]

5. PR-1411-U(27)006

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkuatkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

6. PR-1411-U(27)007

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

[Menteri Kewangan]

7. PR-1411-U(27)008

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

8. PR-1411-U(27)009

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggar mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

[Menteri Pengangkutan]

9. PR-1411-U(27)001

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

10. PR-1411-U(27)002

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

****UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 19.07.2018 (Khamis)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Isu Lapangan Terbang Sibu	1. YB Menteri Pengangkutan
2. 19.07.2018 (Khamis)	2. YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)	2. Isu Memohon Pembinaan Semula Sekolah Kebangsaan Air Putih, Parit Sulong	2. YB Menteri Pendidikan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**